



JAWATAN KOSONG

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan, komitmen yang tinggi dan bercita-cita untuk berkhidmat dalam sebuah Universiti yang sedang menuju ke arah Universiti bertaraf dunia bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN 1: SETIAUSAHA PEJABAT GRED N29

Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan : Pelaksana
Taraf Jawatan: Sambilan
Gaji Minimum: RM72.00 sehari
Penempatan : FSPM, UPMKB

SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Diploma Sains Kesytausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (b) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

JAWATAN 2: PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan : Pelaksana
Taraf Jawatan: Sambilan
Gaji Minimum: RM54.00 sehari
Penempatan : FSPM, UPMKB

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

KELAYAKAN SPM MENGIKUT SISTEM TERBUKA UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM:

Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk Sijil Pelajaran Malaysia perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:

- i. lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
- ii. lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- iii. memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

SYARAT LAIN:

- (a) Calon lantikan terus mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun;
- (b) Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

Pemohon hendaklah menghantar sesalinan *Curriculum Vitae* ke alamat berikut :

**KETUA BAHAGIAN PENTADBIRAN
FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU
TINGKAT 2, BANGUNAN PENTADBIRAN
PETI SURAT 396, JALAN NYABAU
97008 BINTULU, SARAWAK.**

atau boleh diemel ke rajanah@upm.edu.my / asimah@upm.edu.my .

TARIKH TUTUP IKLAN

Iklan ini dibuka pada **25 Oktober 2016** jam 10.00 pagi dan akan ditutup pada **2 November 2016** jam 5.00 petang.